



جامعة  
Teknologi  
MARA  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian  
Hal Ehwal Islam

# •MAU'IZAH• **ابن معاذ** BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM **SIRI 3**



# PRAKATA

Setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian kehadrat Allah SWT kerana dengan izinNya e-book Mau'izah Siri ke III ini berjaya diterbitkan.



E-book kali ini menampakkan format yang sedikit berbeza demi keserasaan pembaca. Dengan ini juga dapat memudahkan pembaca untuk memahami dan menghayati isi kandungan e-book ini dengan lebih jelas dan ringkas.

Penerbitan e-book ini ialah hasil daripada penganjuran program Mau'izah yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Penganjurannya adalah secara atas talian yang melibatkan penyertaan staf, pelajar dan masyarakat awam.

Penganjuran program Mau'izah ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membantu merealisasikan Pelan Perancangan Strategik UiTM2025 yang memberi penekanan tentang konsep Nilai Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti dalam kalangan warga UiTM. Dalam pada masa yang sama, program ini dapat membantu merealisasikan Perancangan Strategik Hal Ehwal Islam 2022 - 2025.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada YBhg. Datuk Naib Canselor UiTM yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan atas penghasilan e-book ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada editor dan penulis yang sentiasa berusaha gigih bagi merealisasikan penerbitan e-book ini. Semoga hasil usaha ini akan kekal menjadi jariah pahala berkekalan di sisi Allah SWT.

Akhir kata, semoga e-book ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada setiap pembaca dan dikurniakan ganjaran kebaikan oleh Allah SWT.

Haji Hanafi Haji Hamdani  
Pengarah  
Bahagian Hal Ehwal Islam  
UiTM Shah Alam

## **EDITOR**

Mohd Afiz Hasan

Mohammad Shaffiaizad Amar Mohammed Sabri

Norfaizah Yahya

## **PENULIS**

Mohd Azri Aripin

Lufti Fauzi Sabari

Shahrulnizam Akhsan

Abdul Mutalib Jamil

Md Idris Abdullah

Mohd Hafiz Mohd Hasan

Mohd Afiz Hasan

Mohd Nazril Saad

Mohd Faizan Tajuid

Nurul Afidah Awang

Norfaizah Yahya

Mohammad Shaffiaizad Amar Mohammed Sabri

# ISI KANDUNGAN

- 1 - BEKERJA SUNNAH PARA NABI
- 5 - NASIHAT UNTUKMU WANITA
- 8 - AL-QURAN DI HATI
- 11 - AHLAN WASAHLAN
- 13 - ISTIQAMAHKAN KAMI
- 15 - TADABBUR: SURAH AL-ASR
- 18 - AIR DICINCANG TIDAK AKAN PUTUS
- 21 - SIHAT DENGAN TERAPI TAUBAT & ISTIGHFAR
- 24 - THE GREAT TEACHER
- 29 - KEPUASAN DAN KEBERKATAN DALAM BEKERJA
- 32 - JASAMU DIHARGAI
- 35 - PENGURUSAN HARTA ISLAM: HIBAH
- 38 - MERDEKA DIRI MERDEKA NEGARA
- 41 - SEPAKAT MEMBAWA BERKAT
- 43 - KEKASIH KIRIMAN ALLAH
- 45 - AMALAN SEHARIAN
- 48 - USAHA, DOA, TAWAKAL
- 50 - MUHASABAH
- 52 - TUNTUTAN BERKORBAN

# GALAKAN BEKERJA

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ  
وَإِذْ كُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ١٠

Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). (Surah al-Jumuah: 10)

Menurut al-Qurtubi, ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menyeru manusia apabila selesai solat, maka bergeraklah kamu untuk (bekerja) dengan berniaga dan mengurus keperluan sehari-hari.



## KEWAJIPAN BEKERJA

As-Syaibani dalam kitab al-Iktisab Fi Rizqi al-Mustathab berkata: "Sesunguhnya Allah mewajibkan para hamba-Nya untuk mencari nafkah kehidupan agar mereka dapat menjalankan ketaatan kepada Allah".

Ini bermakna, tidak kira apa sahaja kedudukan kita di atas muka bumi ini, mencari rezeki menjadi tanggungjawab kita sebagai manusia yang patuh kepada perintah Allah dan natijahnya akan mendapat ganjaran pahala di sisi-Nya

Pekerjaan Para Nabi:

- Nabi Adam a.s. seorang petani
- Nabi Nuh a.s. seorang tukang kayu
- Nabi Idris a.s seorang tukang jahit
- Nabi Daus a.s. seorang tukang besi
- Nabi Musa a.s seorang penternak
- Nabi Ibrahim a.s seorang petani
- Nabi Soleh a.s seorang peniaga
- Nabi Sulaiman a.s seorang pemerintah



# BEKERJA MENGIKUT ISLAM

## ITQAN

Islam menganjurkan setiap umatnya bekerja dengan bersungguh-sungguh. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Dari Aisyah r.a, bersabda Rasulullah SAW: “Allah ‘azza wa jalla menyukai jika salah seorang di antara kalian melakukan suatu amal secara (bersungguh-sungguh) itqan”.

## AMANAH

Wajib bagi seorang pekerja untuk amanah dalam pekerjaannya. Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَاتِكُمْ

وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ  
٢٧

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).  
(Surah al-Anfal: 27)





# **BEKERJA MENGIKUT ISLAM**

TAAT

Peraturan yang dibuat dalam lingkungan kerja bukan untuk dilanggar. Mematuhi peraturan dalam bekerja meliputi:

- Aturan Waktu Bekerja

Mematuhi waktu bekerja yang telah ditetapkan sehingga tidak istirahat sebelum waktunya.

- Taat Kepada Ketua

Allah SWT berfirman: "Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan ulil-amri di antara kamu". (Suran an-Nisa': 59)

## Wanita Dunia Atau Bidadari?


*“Ummi Salamah berkata, Wahai Rasulullah, manakah yang lebih utama antara wanita dunia dengan bidadari? Rasulullah menjawab wanita dunia lebih utama dari bidadari syurga kerana keunggulan sesuatu yang zahir berbanding yang batin”.*

## Khabar Gembira Untuk Wanita Solehah


*“Abu Hurairah r.a mengatakan bahawa Rasulullah bersabda: Jika seorang wanita selalu melakukan solat lima waktu, menjaga kemaluannya, taat kepada suaminya, maka dia boleh masuk ke syurga dari pintu mana pun iakehendaki”.  
(Riwayat Ibnu Hibban, Ahmad, at- Thabranī)*



Asiyah Binti Muzahim (Wanita Hebat Sepanjang Zaman)



Khadijah (Muara Penyejuk Hati Rasulullah SAW)



Balqis (Puteri Yang Bijaksana)

## ***Hitunglah Semua Nikmat Allah Telah Berikan Kepada Anda***

- Rezeki yang sedikit mem-bahagiakan.
- Rumah sederhana dengan iman.
- Jadilah wanita yang paling anggun di dunia.

## ***Jagalah Auratmu, Wahai Wanita Mulia***

Dalam hadith riwayat Abu Daud dan Tirmizi, Bahz bin Hakim dari ayahnya, dari datuknya mengatakan bahawa ia berkata: wahai Rasulullah, tentang aurat kami, apa yang harus kami lakukan dan apa yang harus kami perhatikan? Rasulullah menjawab: pelih-aralah auratmu kecuali dari isterimu, atau hamba yang kamu miliki.

## ***Berpuasalah, Nescaya Menjadi Sihat***

- Wanita berbuka semasa puasa sunat.
- Wanita berpuasa untuk ibunya yang telah meninggal.


## ***Berbakti Kepada Orang Tua, Jalan Menuju Ke Syurga***

Daripada Abu Said bin Malik bin Rabiah as Saidi bahawa seorang lelaki berkata : wahai Rasulullah, apakah masih memungkinkan untuk berbakti kepada kedua orang tua saya, setelah mereka meninggal dunia? Rasulullah menjawab: Benar, melakukan solat untuk mereka berdua, memohonkan ampunan, melaksanakan wasiat mereka, menjalankan hubungan persaudaraan di mana jalinan itu tidak akan wujud kecuali dengan mereka berdua, dan memuliakan teman mereka berdua.



## ***Wasiat Rasulullah Tentang Ibadah Wanita***

- Wanita boleh beriktfikaf.
- Wanita mengalami istihadah boleh beriktfikaf.
- Ihram bagi kaum wanita.
- Wanita menangisi mayat.
- Wanita yang memaksa melakukan khulu'.
- Wanita boleh sedekah dengan perhiasan mereka.




## ***Melakukan Ibadah Haji Bagi Wanita***

- Wanita boleh melakukan ibadah haji dengan memepati syarat yang telah ditetapkan oleh syariat Islam.



## ***Wanita! Jaga Lisanmu***

Diceritakan oleh Amr Bin Dinar bahawa seorang lelaki Madinah mempunyai saudara perempuan yang berada di kampung dan berada dalam keadaan sakit. Lelaki itu menziarahinya sehingga meninggal dunia. Lalu lelaki itu mengucapkan takziah kepada keluarga wanita itu dan bersama-sama menguburkan saudara perempuannya itu. Lalu lelaki itu baru sedar yang dompetnya tertinggal di dalam kubur dan meminta temannnya untuk menggali semula kubur dan mengambilkan dompetnya. Lalu temannya itu membuka sebahagian lubang dan melihat api menyala-nya lalu teman itu bertanya, apa amalan saudaramu sehingga terseksa begitu? Lalu ibunya berkata, "saudaramu suka pergi ke rumah jiran dan menyebarkan fitnah serta suka bercerita perihal keburukan orang. Jelas bahawa memfitnah dan mengumpat mendapat seksa kubur.



## AL-QURAN

Kalamullah yang mengandungi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril a.s, ditulis dalam mashaf, dipindahkan kepada kita secara mutawatir dan menjadi ibadat dengan membacanya.

## HATI

Hati dalam bahasa Arab disebut “Qalbun” yang bermaksud membalikkan, memalingkan, menjadikan yang di atas ke bawah.

- Sesuatu yang konkret dan dapat dilihat berbentuk.
- Hati yang berbentuk Nuraniyyatun Lathifatun Rabbaniyyatun.

## MELAZIMI AL-QURAN

- Membaca Al-Quran

**أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِيلَ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا**

Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan “Tartil”. (Surah al-Muzzammil: 4)

- Menghafal Ayat Al-Quran

Daripada Ibnu Abbas r.a, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Orang yang tidak ada di dalam dadanya sepotongpun ayat al-Quran seperti rumah yang ditinggalkan kosong”.

- Praktik Daripada Al-Quran


## MENDENGAR BACAAN AL-QURAN

**وَإِذَا قِرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوهُ وَأَنْصِتُوا عَلَيْكُمْ**

٢٠٤  
تَرْحِمُونَ

Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat. (Sural al-A'raf: 204)





## TADABBUR AL-QURAN

- Usaha untuk mencar makna disebalik zahir sesuatu perkara.
- Digunakan pada setiap usaha manusia untuk mendalami hakikat sesuatu perkara.

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لِيَدَبَرُواءَ اِيَّتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو

الْأَلْبَابِ ٢٩

(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar. (Surah Sad: 29)



## PENGERTIAN PUASA

### BAHASA

Puasa ialah menahan diri daripada melakukan sesuatu seperti makan, minum dan bercakap.

### SYARA'

Puasa ialah menahan diri daripada sebarang perkara yang membatkannya, bermula dari terbit fajar hingga terbenamnya matahari dengan niat.

# PERSEDIAAN MENYAMBUT RAMADHAN

Persediaan Ilmu Pengetahuan

Persediaan Fizikal

Persediaan Hati

## CARA MENYAMBUT RAMADHAN

- Perbaiki Niat
- Berdoa
- Memperbanyakkan Membaca Al-Quran
- Beredekah Dan Memberi Makanan
- Qiyamullail



# MATLAMAT RAMADHAN

- Membentuk Insan Bertaqwa*

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُنْ عَلَيْكُمُ الصَّيَامُ كَمَا كُنْتُمْ عَلَىٰ



الَّذِينَ كُنْتُمْ لَعَلَّكُمْ تَنْقُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. (Surah al-Baqarah: 183)

- Meneruskan Semangat, Kesungguhan dan Mentaati Allah*

# ISTIQAMAHKAN KAMI

Berusaha Sedaya  
Upaya Berdisiplin Den-  
gan Setiap Ibadah  
Dan Amalan

Muhasabah Setiap  
Perkara Dan Ibadah  
Yang Dilakukan Sama  
Ada Berkesan Atau  
Tidak

## PANDUAN ISTIQAMAH

### ***IKHLAS MELAKUKAN AMALAN***

Berazam amalan pada bulan Ramadhan akan diteruskan pada bulan-bulan yang lain.

### ***BANYAKKAN BERDOA***

Sentiasa berdoa agar diberi kekuatan untuk beribadah dan dijauhi godaan syaitan.

## **KAEDAH FIQH:**

**“JIKA TIDAK MAMPU MENGERJAKAN SEMUA,  
MAKA JANGANLAH MENINGGALKAN SEMUANYA”.**

### ***BERSAHABAT DENGAN YANG BAIK-BAIK***

Bersahabat dengan orang yang boleh menegur, menasihati dan mengajak kebaikan.

### ***BERTERUSAN WALAUPUN SEDIKIT***

Melakukan amalan walaupun sedikit tetapi berterusan.

## PENGENALAN

- Merupakan Surah Makiyyah.
- Mengandungi Tiga Ayat Sahaja.
- Mengandungi Banyak Pengajaran.

## TADABBUR AYAT 1



*“Demi Masal”*

Dalam ayat ini, Allah SWT bersumpah dengan masa iaitu waktuwaktu yang kita lalui dalam hidup, zaman demi zaman, masa demi masa yang di dalamnya terjadi bermacam-macam kejadian dan pengalaman yang menjadi bukti atas kekuasaan Allah SWT yang mutlak, hikmah-Nya yang tinggi dan ilmu-Nya yang sangat luas.



## TADABBUR AYAT 2

إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝

“Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian”.

- Dalam ayat ini, Allah SWT mengungkapkan bahawa manusia sebagai makhluk Allah secara keseluruhan berada dalam kerugian.
- Kerugian di sini bermaksud lawan dari keberuntungan.
- Lafaz *al-insan* pada ayat di atas secara tata bahasa Arab mencakupi keseluruhan manusia tanpa terkecuali.
- Allah SWT tidak memandang agama, jantina, status, martabat dan jabatan melainkan Allah SWT menghabarkan bahawa semua manusia dalam keadaan rugi kecuali yang memiliki empat sifat yang disebut pada ayat seterusnya.



## TADABBUR AYAT 3

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا



*"Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar".*

Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa manusia itu tidak akan rugi hidupnya dengan memenuhi empat kriteria berikut:

1. Beriman.
2. Beramal Soleh. (Melakukan keseluruhan kebaikan yang zahir dan batin, yang berkaitan hak Allah SWT dan hak manusia serta yang wajib dan sunat)
3. Saling Menasihati Dalam Kebenaran. (Yaitu saling menasihati agar melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT dan menjauhi segala larangan serta apa yang diharamkan oleh-Nya)
4. Saling Menasihati Dalam Kesabaran. (sabar dalam berdakwah, sabar dalam menghadapi pelbagai ujian, sabar dalam menghadapi dorongan hawa nafsu, sabar dalam ketaatan kepada Allah SWT, sabar dalam pergaulan ditengah-tengah masyarakat, dan sabar dalam perjuangan)





فَهَلْ عَسِيْتُمْ إِن تَوَلَّتُمْ أَن تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقْطِعُوا

أَرْحَامَكُمْ

أُولَئِكَ الَّذِينَ لَعْنَهُمُ اللَّهُ فَأَصْمَمَهُمْ وَأَعْمَى أَبْصَرَهُمْ

٢٣

٢٢

22. (Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhuatirkan - jika kamu dapat memegang kuasa - kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturrahim dengan kaum kerabat?
23. (Orang-orang yang melakukan perkara yang tersebut) mereka-lah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka, dan dibutakan penglihatannya. (Surah Muhammad: 22-23)

# JENIS SILATURAHIM

- **UMUM:** Hubungan berdasarkan agama.
- Saling mengasihi, menasihati dan berbuat adil.
- **KHUSUS:** Hubungan antara ahli keluarga, saudara-mara dan yang mempunyai pertalian darah.
- Mengambil tahu keadaan, memaafkan kesalahan, mengunjungi ketika sakit, membantu ketika susah dan sebagainya.

## KEBAIKAN MENJAGA SILATURAHIM

Mendapat  
Keredhaan Allah SWT

Mendapat Doa  
Malaikat

Memperoleh Doa Yang  
Baik Daripada Orang  
Lain

Memperoleh  
Keberkatan Rezeki

*“Sesiapa yang ingin agar rezekinya dimurahkan dan umurnya dipanjangkan, maka hendaklah dia menghubungkan silaturahim”.  
(Riwayat Bukhari dan Muslim)*

# BALASAN MEMUTUSKAN SILATURAHIM

MENDAPAT  
BALASAN  
KETIKA DI  
DUNIA LAGI

DIHALANG  
DARIPADA  
MEMASUKI  
SYURGA ALLAH  
SWT

HILANG  
KEBERKATAN  
UMUR

DISEMPITKAN  
REZEKI

DOANYA TIDAK  
DIMAKBULKAN

DIBENCI OLEH  
MANUSIA

## TAUBAT

Imam al-Ghazali mendefinisikan taubat pada istilah sebagaimana dengan kitab Minhaj al-Abidin iaitu dengan kerja hati yang apabila tahlil daripada pendapat ulama: Pembersihan dan penyucian hati daripada dosa.

*Imam Muslim meriwayatkan bahawa : Sesungguhnya Allah itu membuka tangannya (RahmatNya) di malam agar orang yang berbuat dosa di siang hari mahu bertaubat. Dan Allah membuka tangan-Nya di siang hari agar mahu bertaubat orang yang berbuat dosa di malam hari, sehingga terbit matahari dari tempat terbenamnya.*

**Berdasarkan Kitab al-Risalah al-Qusyairiyah:**

- Sahl bin Abdillah berkata: Taubat adalah jangan lupa dosa kamu.
- Junaid al-Baghdadi berkata: Taubat ialah lupa dosa kamu.
- Al-Nuri berkata: Taubat ialah engkau bertaubat daripada semuanya kepada Allah SWT.

## SYARAT TAUBAT

- Meninggalkan dosa dengan sukarela.
- Bertaubat dari dosa yang telah dilakukan.
- Pilihan untuk meninggalkan dosa terbit daripada membesarakan Allah SWT.

## HIKMAH TAUBAT

Memberi Peluang  
Untuk Bertaubat Ke-  
pada Allah SWT

Memberi Ketenan-  
gan Hati Kepada  
Orang Yang Bertaubat

Mendapat Keam-  
punian Dan Petunjuk  
Daripada Allah SWT

## TAUBAT DITERIMA ATAU DITOLAK ?

Ada sebahagian ulama ditanya, apakah seseorang itu tahu bahawa taubatnya itu diterima atau pun tidak? Lalu ulama itu menjawab, Tidak ada kepastian dalam hal itu. Akan tetapi terdapat tanda-tandanya. Bagi orang yang diterima taubatnya, dia sentiasa menjaga dirinya dari maksiat. Dia suka bergaul dengan orang yang soleh dan manjauhi orang yang fasik. Dia jaga mulutnya, selalu berfikir, berse-dih dan menyesal atas dosa yang telah dilakukan.

## IMAN SEBIJI DZARRAH

Rasulullah SAW bersabda:

“Barangsiapa yang melakukan kebaikan, meskipun sebesar zarah ia akan melihat balasanya. Dan barangsiapa yang mengerjakan ke-jahatan, meskipun sebesar zarah ia akan melihat balasannya pula”.  
(Q.S Al-Zilzal: 7-8)

## BERZIKIR SETELAH SUBUH

Nabi berkata “amalan yang lebih mulia daripada bumi dan sesisinya adalah berzikir sesudah solat subuh hingga terbit matahari”. Bangun dan melaksanakan solat subuh dapat mencegah daripada serangan angin ahmar dan serangan jantung. Ini kerana gerakan dalam solat meningkatkan kadar Nitrous Oxide iaitu gas yang memastikan kek-enyalian pembuluh darah.



## PENDIDIK YANG HEBAT

IKUTAN YANG BAIK

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْآخِرِ وَذِكْرُ اللَّهِ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang). (Surah al-Ahzab: 21)

## MEMPEROLEH PAHALA SEPERTIMANA PAHALA ORANG YANG DIA AJARKAN

Rasulullah SAW bersabda:

“Barangsiapa yang menunjukkan kepada kebaikan maka dia akan mendapat pahala separtimana pahala orang yang mengerjakannya”.

(Riwayat Muslim: 1893)

## MARTABAT GURU

*Kebaikan Yang  
Allah SWT Kurniakan  
Kepadanya*

*Khazanah Harta  
Yang Tiada Ternilai*

*Penunjuk Jalan  
Kebaikan*

## TANGGUNGJAWAB KEPADA GURU



**MENGHORMATI DAN MEMULIAKANNYA**



**MENDOAKAN GURU**



**MENJAGA ADAB DALAM MAJLIS GURU**



**MENOLONG DAN MEMBANTU SERTA MENYELESAIKAN HAJAT GURUNYA**



**TIDAK BERASA HATI DAN BERDENDAM DENGAN GURU**



**MENZIARAHIBERGURU APABILA SAKIT ATAU MATI**



**TIDAK SOMBONG SERTA TAKABBUR KEPADA GURU**



**SENTIASA RENDAH DIRI TERHADAP GURU**



BANYAK SABAR MENANGGUNG KESUSAHAN



LAMBAT MARAH



DUDUK DENGAN HAIBAH (KELAKUAN YANG TETAP)



MEMILIH TAWADUK DALAM PERHIMPUNAN RAMAI



TIDAK MEMARAHII MURID YANG LEMAH



TIDAK MALU MENGAKUI "AKU TIDAK TAHU"



TUNDUK KEPADA HUJJAH KEBENARAN DAN KEMBALI PERBETULKAN KESALAHAN



MEMBERI PERHATIAN PADA MURID YANG BERTANYA

# TEKNIK PENGAJARAN RASULULLAH SAW

- PEMBENTUKAN JIWA
- DIALOG DAN PERBINCANGAN
- ISYARAT DAN MENGGAMBAR
- PRAKTIKAL DAN DEMONSTRASI

## KEPRIBADIAN RASULULLAH SAW SEBAGAI PENDIDIK

PENYAYANG

KESABARAN TINGGI

KETEGASAN  
DALAM KELEMBU-  
TAN

## DEFINISI

- Kepuasan: Perihal puas, kelegaan, kenikmatan, kesenangan, seronok, tenang, tenteram, kenyang.
- Kerja: Perbuatan, usaha, mencari nafkah, tugas, kewajiban, peranan, sesuatu yang dilakukan.
- Kepuasan Kerja: Keadaan emosi yang menyenangkan hasil daripada penilaian seseorang terhadap kehendaknya yang selaras dengan apa yang ada dalam pekerjaannya.

## FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPUASAN BEKERJA

GAJI

HUBUNGAN ANTARA  
PEKERJA

BEBAN KERJA

PELUANG KENAIKAN  
PANGKAT

PERSEKITARAN & KEMUDAHAN  
TEMPAT KERJA

PENYELIAAN

PELUANG MENINGKATKAN  
KEMAHIRAN



## BEKERJA DALAM KONTEKS AGAMA ISLAM

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسِيرِيَ اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَرَدُونَ إِلَى

عَلَمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَدَةِ فَيُنَتَّكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ  
١٥

Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan". (Surah at-Taubah: 105)

# KEPUASAN DAN KEBERKATAN DALAM BEKERJA

## **IKHLAS DALAM PEKERJAAN**

- Suka menyembunyikan amalan kebaikan mereka.
- Puji dan kritikan adalah sama.

## **KECINTAAN KEPADA ALLAH**

- Merasa puas setelah menaati perintah-Nya.
- Segera bertaubat dari sebarang kesalahan.

## **KETAKUTAN KEPADA ALLAH**

- Perasaan takut jika diabai-kan oleh Allah.
- Menjaga hati dari berpaling daripada Allah.

## **KEKUATAN IBADAH**

- Suka menyembunyikan amalan kebaikan mereka.
- Puji dan kritikan adalah sama.

## **BERSIKAP TAWADUK**

- Tawaduk kepada Allah.
- Tawaduk kepada diri sendiri.
- Tawaduk kepada insan lain.

## **ZUHUD DI DUNIA**

- Keinginan hanya keredhaan Allah.
- Tidak tertarik dengan habuan dunia.

## **SABAR DAN TETAP PENDIRIAN**

- Sabarnya Bilal bin Rabah ketika diseksa majikannya.
- Sabarnya keluarga Yasir ketika diseksa orang musyrik.

## **UKHUWAH PERSAUDARAAN**

- Semangat menjulang persaudaraan.
- Sifat ithar (mendahulukan orang lain).

## DEFINISI

- JASA: Berbuat kebaikan, berbakti, berfaedah, berharga.
- MU: Ibu ayah.
- DIHARGAI: Menghormati, memuliakan, mengendahkan.

“DUA AIR YANG TIDAK MAMPU  
DIBALAS: AIR SUSU IBU DAN AIR  
KERINGAT AYAH”  
YA ALLAH TEMPATKANLAH MEREKA  
DI SYURGA-MU.

﴿وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَّا إِمَّا يَلْعَنَّ﴾

عِنْدَكَ الْكِبَرُ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقْلِيلٌ لِّمَّا أَفَّ وَلَا

نَهْرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْجُمُهُمَا كَمَا

رَبِّيَّا فِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

23. Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah engkau menengking menyeragah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

24. Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhan! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.” (Surah al-Isra: 23 - 24)

## MENDAPAT REDHA ALLAH DAN DIMASUKKAN KE DALAM SYURGA

“Sesungguhnya redha Allah seiring dengan redha ibu bapa dan kemarahan Allah bersamaan dengan kemarahan ibu bapa”.

### DOA DIMAKBULKAN

Umar Al-Khattab berkata: Saya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda : “ Datang kepada kamu Uwais bin Amir Bersama sejumlah orang-orang Yaman. Dia terkena penyakit sopak tetapi sudah sembuh kecuali tinggal lebih kurang sebesar wang dirham. Dia adalah seorang yang sangat sayang kepada ibunya. Kalau dia memohon kepada Allah akan diampuni dosanya. Kalau engkau mau minta tolong kepadanya supaya dia meminta ampunan dosa-dosanya, maka lakukanlah”.

## DIPANJANGKAN UMUR

“Sesiapa berbakti kepada ibu bapanya memang beruntunglah dia, Allah memanjangkan umurnya”  
. (Hadith Riwayat al-Hakim)

### DIMURAHKAN REZEKI

“Sesiapa yang ingin dipanjangkan umurnya dan dimurahkan rezekinya, hendaklah dia berbuat baik kepada ibu bapanya dan hendaklah dia menghubungkan silaturahim”.  
(Hadith Riwayat Ahmad)

# KELEBIHAN BERBAKTI KEPADA IBU BAPA



HARAM BAGINYA SYURGA



DIMURKAI ALLAH



TERMASUK DALAM GOLONGAN ORANG KAFIR



MENDAPAT BALASAN DI DUNIA



TIDAK MENCIMUM BAU SYURGA



TERMASUK DALAM GOLONGAN MEREKA YANG RUGI BESAR

## TIPS BERBAKTI KEPADA IBU BAPA

BERGAUL DENGAN IBU  
BAPA

MEMULIAKAN IBU  
BAPA

MEDOAKAN IBU BAPA

## DEFINISI HIBAH

- Berasal daripada perkataan wahaba yang bermaksud pemberian tanpa balasan.
- Sedekah: Tujuan pemberian untuk mendapatkan ganjaran pahala semata-mata.
- Hadiah: Tujuan untuk memuliakan penerimanya.
- Hibah: Pemberian yang tidak dikhurasukan dengan niat tertentu.

وَإِنَّ الْمُنْسَأَةَ صَدَقَتْهُنَّ بِخُلْتَهُ فَإِنْ طَبِنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ فَنَسَافَكُوهُ



Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya. (Surah an-Nisa': 4)

**Hadith daripada Abu Hurairah r.a.: "Saling memberi hadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling menyayangi". (Hadith Riwayat al-Bukhari)**

## KEPENTINGAN HIBAH

1. Pasangan yang tiada anak.
2. Pasangan yang hanya ada anak perempuan sahaja.
3. Pasangan yang mempunyai anak angkat / anak tiri / anak luar nikah.
4. Suami yang berpoligami.
5. Pasangan yang berkahwin semula.
6. Isteri suri rumah sepenuh masa.
7. Pasangan suami isteri yang membeli rumah bersama.
8. Golongan yang mempunyai aset yang rumit.
9. Muallaf.

## KONSEP HIBAH



- Akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak.
- Bukan pinjaman atau sewaan.



- Harta yang dihibahkan adalah ain harta.
- Bukan hutang atau manfaat.



- Akad pemberian secara sukarela.
- Tanpa paksaan atau kewajipan seperti zakat dan kaffarah.



- Akad hibah berkuatkuasa pada masa hidup.
- Bukan selepas mati.



- Akad dibuat tanpa mengenakan balasan.
- Bukan jual beli.

## RUKUN HIBAH

### PENGHIBAH (WAHIB)

- Berkeahlian untuk melakukan tabarru' - berakal, baligh, merdeka, sekarella, pemilik sebenar.
- Tidak ditahan hartanya atas sebab bodoh atau hutang
- Tidak berada dalam marad al-maut

### PENERIMA HIBAH (MAWHUB LAHU)

- Berkeahlian untuk memiliki dan menerima harta yang dihibahkan sama ada melalui dirinya atau walinya.
- Wujud ketika hibah dilakukan.
- Jika penerima adalah kanak-kanak atau orang tidak sempurna akal, hendaklah diwakili oleh walinya atau pemegang amanah.

### HARTA YANG DIHIBAHKAN (MAWHUB)

- Wujud ketika hibah dilaksanakan.
- Telah ditentukan.
- Diiktiraf oleh syarak.
- Dimiliki oleh penghibah.

### SIGHAH (IJAB DAN QABUL)

- Apa-apa sahaja yang membawa maksud Ijab (penawaran) daripada penghibah.
- Apa-apa sahaja yang membawa maksud Qabul (penerimaan) daripada penerima sama ada berupa kata-kata atau perbuatan.



## DEFINISI MERDEKA

- Bebas daripada penjajahan, kurungan, naugan dan sebagainya.
- Bermaksud lepas daripada tebusan atau tuntutan serta berdiri sendiri dan tidak bergantung pada yang lain.
- “Kemerdekaan, ialah bahawa engkau rasai dengan perasaan yang jernih, hak yang perlu engkau ketahui, dan waktu itu engkau rasai apa pula kewajipan kepada orang lain. Engkau merdeka dan bebas mengembangkan sayap, menurutkan kemahuan hati, untuk membuktikan bahawa engkau berhak. Engkau boleh mengeluarkan apa yang terasa di hatimu, asal engkau hormati pula kemerdekaan orang lain dan engkau bayarkan kewajipan yang diminta oleh masyarakat kepada engkau”. (**Buya Hamka**)
- “Perjuangan membebaskan tanah air harus segera disusuli dengan perjuangan memerdekaan minda (Istiqlal al-‘aql). Apalah erti kemerdekaan bumi pertiwi, jika rakyat peribuminya masih tetap berminda anak jajahan. Membangkitkan jiwa merdeka adalah agenda terpenting yang tidak boleh dikompromikan”. (**Malik Bennabi**)

# CIRI-CIRI INSAN, MASYARAKAT & NEGARA MERDEKA

## INSAN MERDEKA

- Beriman Kepada Allah.
- Memahami Nilai Dunia Yang Sementara.
- Melaksanakan Perintah Allah dan Meninggalkan Larangannya.
- Berakhhlak Mulia.

## MASYARAKAT MERDEKA

- Menghormati Antara Satu Sama Lain.
- Mengutamakan Kepentingan Umum Berbanding Individu.
- Berintegriti Dan Beretika Dalam Organisasi.

## NEGARA MERDEKA

- Bebas Daripada Penjajahan Kuasa Asing.
- Diiktiraf Negara Luar dan Mempunyai Hubungan Diplomatik.
- Identiti Sendiri (Ideologi, Bendera, Jata)

## KEMERDEKAAN (PERSPEKTIF SYARA')


KEMERDEKAAN DALAM PANDANGAN SYARIAH ADALAH KEBEBASAN YANG TERANGKUM DALAM EMPAT ASPEK: ASPEK KEHENDAK (MASYI'AH), ASPEK KEYAKINAN (I'TIQAD), ASPEK PERKATAAN (AQWAL) DAN ASPEK PERBUATAN (AF'AL) YANG SEMUANYA TUNDUK KEPADA KEHENDAK SYARIAH.

لَقَدْ كَانَ لِسَبَا فِي مَسْكَنِهِمْ أَيْةً جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّ أَمْرٍ  
رِزْقٌ رِّيكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ بَلْدَةً طَيِّبَةً وَرَبُّ غَفُورٌ

10

Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!. (Surah Saba': 15)

**"HAKIKAT BALDATUN THAYYIBATUN WA RABBUN GHAFUR MERUPAKAN KEADAAN NEGARA YANG MENJADI DAMBAAN DAN IMPIAN SELURUH MANUSIA"**



وَمِنْ أَيْمَنِهِ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَآخِذَنَفُ الْسِنَّةِ كُمْ

وَأَلْوَنَكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ ٢٢

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan. (Surah Ar-Rum: 22)

## CARA MENJAGA KESEPAKATAN

**Al-Adalah**  
**“Berlaku Adil dan Saksama”**

**Al-Amanah**  
**“Bersifat Amanah”**

**At-Ta’awun**  
**“Saling Bekerjasama Antara Satu Sama Lain”**

**Al-Musawa**  
**“Kesamaan Antara Satu Sama Lain”**

# PENGHALANG MENCAPAI KESEPAKATAN

RASA DIRI  
SENDIRI IALAH  
PALING BAIK

RASA BANGGA  
DENGAN  
KEDUDUKAN DAN  
PANGKAT SEDIA  
ADA

TIDAK BOLEH  
MENERIMA  
PANDANGAN  
ORANG LAIN

ADA PERASAAN  
HASAD DENGKI  
DAN IRI HATI DI  
DALAM HATI

## HAYATILAH


Bersempena Rabiulawal iaitu bulan kelahiran Rasulullah SAW, marilah kita hayati betapa besarnya pengorbanan Nabi SAW untuk membawa umat Islam ke syurga dengan memberikan syafaatnya.

## BEGITU BESAR SYAFAAT RASULULLAH SAW BUAT UMATNYA

Al-I mam Muslim meriwayatkan sebuah hadith melalui I bnu Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Nabi SAW berdoa: "Ya Al-lah! Umatku umatku (mereka masih berada di dalam neraka). Permintaan Nabi dikabulkan Allah dengan firmannya: "... Kami sesungguhnya redha terhadap umatmu dan kami tidak akan menyakitkan hatimu (maksudnya mereka dike-luarkan dari neraka).

## INSAFILAH

Walaupun kita tidak pernah hidup bersama Rasulullah SAW, tidak pernah hidup bersama para sahabat baginda, kecintaan baginda ter-hadap umatnya tidak pernah berbelah bahagi.



Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), me-lainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. (Surah Al-Anbiya': 107)

## CARA MENGINGATI RASULULLAH SAW

### - BERSELAWAT -

*“Sabda Baginda Rasulullah SAW: Orang yang paling dekat denganku pada hari kiamat adalah yang paling banyak berselawat ke atasku”. (HR Tarmizi : 446)*


### - MEMBACA AL-QURAN -

*“Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya pada hari kiamat ia datang memberi syafaat kepada sahabat-sahabatnya (pembacanya)”. (Sahih Muslim: 804)*

### - MELAKUKAN SUNNAH -

*“Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah kamu berdukacita wahai Muhammad), kerana kami tidak mengutuskanmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan)”. (Surah An-Nisa’: 80)*

قُلْ إِنَّ كُنْتُمْ تُجْهَنَّمَ الَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحِبُّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبُكُمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ



Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah Ali-Imran: 31)

## SOLAT TAHAJUD

Lebih dikenali dengan Qiyamullail atau solat malam yang mempunyai fadhilat kebaikan dan keistimewaan untuk diri kita jika mengamalkannya.

**SAIDINA UMAR AL-KHATTAB MENYATAKAN: "SESIAPA MENGERJAKAN SOLAT MALAM (TAHAJUD) DENGAN KHUSYUK NESCYA DIANUGERAHKAN ALLAH SEMBILAN PERKARA, LIMA DI DUNIA DAN EMPAT DI AKHIRAT".**

## MENDAHULUKAN KAKI KANAN SAAT MEMAKAI KASUT DAN KAKI KIRI KETIKA MEMBUKANYA

Diriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Jika kalian memakai kasut maka dahulukanlah kaki kanan dan jika melepaskannya, maka dahulukanlah kaki kiri. Jika memakainya maka hendaklah memakai keduanya atau tidak memakai keduanya sekali”. (HR Al-Bukhari dan Muslim)



## MEMBACA AL-QURAN

Nabi Muhammad SAW bersabda: “Balalah al-Quran kerana sesungguhnya al-Quran akan datang sebagai pemberi syafaat bagi sahabatnya (orang yang membacanya)”. (HR Muslim)

## MELAKUKAN SOLAT DHUHA

Daripada Abi Zar RA, bahawa Nabi SAW bersabda: “Pada pagi hari, setiap sendi salah seorang daripada kamu memerlukan kepada sedekah. Maka setiap tasbih (subhanallah) itu adalah sedekah, setiap tahmid (alhamdulillah) itu adalah sedekah, setiap takbir (allahuakbar) itu adalah sedekah, menyuruh berbuat perkara yang baik adalah sedekah, milarang daripada perkara yang mungkar adalah sedekah dan semua itu cukup (bersedekah kepada semua sendi itu) dengan dua rakaat yang telah didirikan oleh seseorang itu daripada solat Dhuhra”. (Riwayat Muslim: 720)

## MENERJAKAN SOLAT BERJEMAAH TEPAT PADA WAKTUNYA

Nabi Muhammad SAW bersabda: “Kalau saja manusia tahu pahala panggilan solat dan saf awal, kemudian mereka tidak boleh mendapatkannya selain dengan mengundi, pasti mereka akan mengundi”. (HR Muslim)



## BERSEDEKAH

“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurniaan-Nya) lagi Maha Mengetahui”. (Surah Al-Baqarah: 261)

## MENJAGA DAN MEMELIHARA WUDHU

“Siapa yang berwudhu dan memperelokkan wudhunya, kesalahannya akan keluar dari jasadnya, bahkan sampai keluar dari hujung-hujung kukunya”. (HR Muslim)

## BERISTIGHFAR

Sabda Nabi SAW: “Demi Allah aku selalu beristighfar dan bertaubat kepada-Nya lebih dari 70 kali dalam sehari”.

وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضِيُّوا مَاءَ اتَّهَمُوهُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ

٥٩ سُئُّلُتِنَا اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَرَسُولُهُ إِنَّا إِلَى اللَّهِ رَاغِبُونَ

Dan (amatlah baiknya) kalau mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan oleh Allah dan RasulNya kepada mereka, sambil mereka berkata: "Cukuplah Allah bagi kami; Allah akan memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, demikian juga RasulNya; sesungguhnya kami sentiasa berharap kepada Allah". (Surah At-Taubah: 59)

## TAWAKAL

- Dari segi bahasa: Tawakal adalah kata terbitan daripada per-kataan wakalah (wakil).
- Menurut Islam: Penghayatan sifat tawakal kepada Allah tidak bermakna penyerahan bulat-bulat segala sesuatu yang berkaitan dengan urusan kehidupan kepada Allah tanpa sebarang usaha dan ikhtiar.
- Tawakal tanpa terlebih dahulu berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh adalah perkara yang ditegah dan dicela.

### TAWAKAL DAN USAHA

Kedua-duanya adalah satu kesatuan di mana usaha adalah sebahagian daripada tawakal.

*"Tawakal tanpa usaha adalah cacat dalam akal, sedangkan usaha tanpa tawakal kepada Allah merupakan sebuah kesyirikan".*

### TAWAKAL DAN DOA

Tawakal tidak dapat dipisahkan dengan doa.

Orang yang sempurna tawakalnya adalah orang yang paling kerap dan sungguh-sungguh dalam doa.

# KELEBIHAN TAWAKAL



**GANJARAN SYURGA TANPA DIHISAB**



**TAWAKAL MENGHINDARI DARIPADA PERKARA BAHAYA**



**TAWAKAL MENJADI SEBAB SESEORANG MENDAPAT REZEKI YANG BERKAT**



**TAWAKAL MENJADI SEBAB MENDAPAT KASIH SAYANG DAN CINTA ALLAH SWT**



**ALLAH MELINDUNGI ORANG YANG BERTAWAKAL KEPADA-NYA DARI APA YANG DITAKUTI**

*“Doa ialah memohon sesuatu kebaikan kepada Allah SWT atau menolak sebarang perkara yang tidak baik”*

- D** - DOA BERTERUSAN
- U** - USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH
- I** - ISTIQAMAH DALAM PERBUATAN
- T** - TAWAKAL DENGAN YAKIN

## PENGERTIAN MUHASABAH

- Muhasabah berasal daripada kata “hasyib” “yahsabu” “hisab”, yang bermaksud perhitungan.
- Dalam erti kata lain, muhasabah adalah upaya dalam melakukan penilaian dan evaluasi terhadap diri sendiri dalam melihat aspek kebaikan dan keburukan,

## KEPENTINGAN MUHASABAH

“Orang yang pandai adalah yang menghisab (mengevaluasi) dirinya sendiri serta beramal untuk kehidupan sesudah kematian. Sedangkan orang yang lemah adalah yang dirinya mengikuti hawa nafsunya serta berangan-angan terhadap Allah SWT”. (HR I mam Turmudzi)

**HUBUNGAN DENGAN AL-LAH SWT (HABLUMINAL-LAH)**

**HUBUNGAN KEPADA SESAMA MANUSIA (HABLUMINANNAS)**

**HUBUNGAN DENGAN DIRI SENDIRI (HABLUMINNAFSI)**

# **KELEBIHAN MUHASABAH DIRI**

1. Dihilangkan musibah dan hisab diringankan.
2. Hati terasa lapang terhadap kabaikan dan mengutamakan akhirat daripada dunia.
3. Muhasabah diri akan memperbaiki hubungan sesama manusia.
4. Muhasabah diri akan membebaskan diri dari sifat munafik.

Berkata as-Sayyid Ahmad ar-Rifaie: "Daripada takut akan timbulnya muhasabah, daripada muhasabah timbulnya muraqabah, daripada muraqabah hati akan sentiasa sibuk bersama Allah SWT  
(Kitab: Al-Burhan al-Muayyad)

# **CARA MEMPERBAIKI DIRI**

1. Duduk dihadapan seorang guru yang mengetahui kekurangan dirinya.
2. Mencari teman yang jujur, mengerti kekurangan dirinya dan menjalankan perintah agama.
3. Hendaknya dia mengambil faedah (manfaat) untuk mengetahui kekurangan dirinya dari lisan-lisan musuhnya.

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ١٦ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَخْرُجْ

1. Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat).
2. Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

(Surah Al-Kauthar: 1 - 2)

*“Menurut jumhur Ulama, hukum penyembelihan qurban adalah sunnah muakkadah dan makruh meninggalkannya bagi orang yang mampu mengerjakannya.”*

## TUJUAN BERKORBAN

MERUPAKAN  
PRAKTIKAL  
DARIPADA TAQWA

UNTUK MENDEKAT-  
KAN (TAQARRUB) DIRI  
KEPADА ALLAH SWT

UNTUK  
MENGENANG NABI  
IBRAHIM AS

UNTUK  
MENSYUKURI  
NIKMAT ALLAH SWT

MEMBERI KELUASAAN BAGI KELUARGA DAN  
ORANG MISKIN DALAM MENIKMATI REZEKI  
ALLAH SWT BERUPA DAGING KORBAN

## SYARAT-SYARAT SAH KORBAN



- Niat untuk taqarrub diri kepada Allah SWT.
- Waktu niat korban adalah semasa menyembelih atau semasa membeli ternakan korban.
- Memilih ternakan korban yang boleh dikongsi bahagian seperti unta, lembu dan kerbau jika ingin berkongsi 7 orang.



## TEMPOH DAN MASA BERKORBAN

- Penyembelihan hendaklah dilakukan pada Hari Nahar (10 Zulhijjah) dan Hari Tasyrik (11 - 13 Zulhijjah) meliputi malam ke-11, 12 dan 13.
- Penyembelihan dilakukan apabila berlalu masa dua rakaat solat sunat Hari Raya Aidil Adha serta bacaan khutbah.

## CARA PEMBAHAGIAN DAGING KORBAN

Sekiranya daging korban tersebut disembelih dengan niat sunat muakkad, adalah sunat bagi yang berniat untuk memakan sebahagian daripada daging haiwan korban tersebut.



الجامعة  
الهندسية  
تقنيات  
العلوم والتكنولوجيا  
جامعة  
Teknologi  
MARA

Bahagian  
Hal Ehwal Islam

**Bahagian Hal Ehwal Islam**

Pejabat Naib Canselor

Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-55442350      Faks: +603-55435635

